

05/10/1999

Zimbabwe desak adakan reformasi kewangan dunia

VICTORIA FALLS (ZIMBABWE), Isnin - Zimbabwe menyertai Malaysia mendesak supaya diadakan reformasi sistem kewangan antarabangsa bagi menghentikan atau mengawal perdagangan mata wang.

Sehubungan itu, Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe, turut meminta negara Afrika lain membuat desakan yang sama bagi merealisasikan kerangka baru sistem kewangan antarabangsa.

Mugabe membuat desakan itu dalam Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (Said) '99 di sini malam ini, berasaskan kesukaran ekonomi sesebuah negara digerakkan kerana sentiasa diancam pasaran mata wang tidak terkawal.

"Tidak ada usaha memperkasakan ekonomi dapat dijayakan dalam kongkongan dan ancaman perdagangan mata wang tanpa kawalan.

"Situasi ini diburukkan lagi oleh bebanan hutang luar negara yang dihadapi kebanyakan negara sedang membangun," katanya merasmikan dialog tiga hari itu di tebing Sungai Zambezi.

Dialog ketiga bertajuk "Memperkasakan Ekonomi Menerusi Perkongsian Pintar" menghimpunkan ketua-ketua kerajaan negara komuniti Pembangunan Afrika Selatan (SADC), selain jiran mereka termasuk Ghana, Kenya dan Uganda.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, satu-satunya pemimpin luar Afrika yang diundang ke majlis itu.

Mugabe berkata, pengalaman krisis kewangan terburuk di Asia dan Selatan Afrika sepanjang dua tahun lalu adalah jelas disebabkan perbuatan spekulasi pasaran mata wang.

Katanya, peristiwa itu menyedarkan negara sedang membangun mengenai kemunculan pasaran yang berbahaya kepada sistem kewangan dan masa depan mereka terutama di alaf baru.

"Jadi, kebebasan yang baru kita perolehi dari cengkaman penjajah tidak akan bermakna tanpa penguasaan ekonomi sendiri. Bagi kebanyakan kita, proses penguasaan ekonomi adalah usaha menyingkirkan kegiatan berasaskan etnik," katanya.

Beliau menegaskan rasional memperkasakan ekonomi itu adalah bagi memperkukuhkan pertumbuhan dan produktiviti mewujudkan peluang pekerjaan di samping memastikan pengagihan sama rata kekayaan dengan berasaskan perkongsian strategik.

Sehubungan itu, Mugabe menyarankan rakan serantaunya agar memberi tumpuan kepada wawasan pembangunan di alaf baru dengan bertemakan menang-menang Afrika.

Sementara itu, Setiausaha Agung Komanwel, Chief Emeka Anyaoku dalam mesejnya yang dibacakan kepada peserta dialog itu, berkata konsep perkongsian pintar mampu mewujudkan laluan untuk mengatasi ketidaktentuan dalam situasi global.

"Saya berharap dialog ini akan membantu kewujudan arah baru, sekali gus membentuk kerjasama dalam pelbagai peringkat sesama negara peserta," katanya.

(END)